

11/06/2004

Dasar AS cetus keganasan

ISU keganasan menjadi satu isu yang dianggap penting oleh banyak pihak untuk ditangani secara berkesan. Keganasan dianggap mampu memberi ancaman kepada dunia. Sekali gus, semua pihak diminta menyertai gerakan menentang keganasan.

Amerika Syarikat (AS) mengambil pendekatan memerangi keganasan itu menggunakan kekerasan. Kekuatan ketenteraan digunakan untuk tujuan itu. AS dan sekutunya, mengambil tindakan mengenakan sekatan ke atas negara yang dianggap mendukung keganasan.

Negara seperti Afghanistan, Iraq dan Iran, dianggap negara pengganas yang membiayai kegiatan keganasan. AS dan sekutunya menyerang dan menakluki Afghanistan serta Iraq dengan alasan yang meragukan.

Rejim Taliban yang memerintah Afghanistan dikatakan enggan menyerahkan Osama bin Laden yang dituduh bertanggungjawab merancang serangan 11 September 2001, walaupun tanpa bukti. Iraq diserang kononnya kerana menyimpan senjata berbahaya. Tetapi semua alasan itu meragukan.

Tidak ada bukti yang menunjukkan Osama dan kumpulan al-Qaeda yang melakukan serangan 11 September. Begitu juga tidak ada bukti sehingga sekarang, Saddam Hussein memiliki senjata pemusnah secara besar-besaran yang didakwa AS.

Banyak pihak meramalkan AS dan sekutunya mempunyai agenda tersembunyi di sebalik keputusan menyerang Afghanistan dan Iraq. Memerangi keganasan hanya alasan tersurat bagi melindungi agenda tersembunyi.

Istilah keganasan diberi pengertian oleh AS dan sekutunya mengikut selera tersendiri bagi memenuhi matlamatnya yang tersembunyi. Pengertian itu memperlihatkan bahawa tujuan sebenar AS dan sekutunya ialah memerangi umat Islam dengan tujuan menjajah kembali negara Islam, khususnya negara Arab.

Sebagaimana yang dikatakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, di sebalik tindakan AS itu, berdiri kaum Yahudi yang memerintah dunia melalui proksi.

AS bertindak bagi pihak Yahudi dan memudahkan laluan Zionis menguasai 'bumi yang dijanjikan' daripada sempadan sungai Nil hingga ke sungai Eufurat di Iraq.

Rejim Israel yang meroboh rumah rakyat Palestin, membunuh dan menghumban mereka ke dalam kesengsaraan, tidak dianggap oleh AS sebagai rejim ganas. Bahkan, rakyat Palestin yang menentang keganasan Israel itu dan berjuang membebaskan bumi mereka pula dianggap sebagai pengganas. Tindakan Israel direstui kerana dikatakan langkah mempertahankan diri.

Adalah jelas, masyarakat Islam berhadapan dengan kuasa dunia yang mengikut arahan Zionis untuk menguasai dunia bagi pihaknya. Sasaran utama kuasa besar ini ialah negara Islam.

Mereka berjaya melemahkan negara Arab dan meletakkannya di bawah telunjuk mereka. Rakyat Palestin berjuang bersendirian tanpa dibantu oleh saudara mereka. Mereka hanya mampu menghadapi kekuatan tentera Israel dengan melemparkan batu.

Negara Arab hanya mampu mengeluarkan kenyataan dan meminta belas kasihan AS. Negara Arab kini berada di bawah telunjuk AS yang menjadi proksi Yahudi.

Kini AS mengalih perhatian ke Asia Tenggara. Kononnya, Selat Melaka menjadi laluan pengganas membawa senjata dan negara Islam di rantau ini, mempunyai potensi mengumpul pengganas. Hakikat sebenarnya ialah untuk

mengepung dan menguasai negara Islam di Asia Tenggara iaitu Indonesia dan Malaysia.

Dasar pencerobohan dan penaklukan AS adalah ancaman keselamatan kepada dunia Islam dan dunia keseluruhannya. Ia akan menjadikan rantau ini kacau-bilau sebagaimana yang berlaku di Asia Barat, akibat campur tangan asing.

Usaha AS untuk mengawal Selat Melaka, akan menyuburkan kebangkitan penganas bagi menghadapi ancaman AS. Kehadiran AS akan membangkitkan dan menyuburkan kebencian yang membawa kepada tindakan ganas.

Kehadiran AS di rantau ini, tidak akan memberikan apa-apa faedah, bahkan akan membawa ancaman dan mengembangkan keganasan. Untuk jangka panjang, ia tidak akan mendatangkan faedah kepada AS dan rakyatnya.

Dasar pencerobohan dan penaklukan AS sekarang bagi memenuhi keinginan pemimpin yang tidak bijaksana, hanya akan merugikan negara itu dan dunia.

Justeru, kita mengharapkan rakyat AS akan memilih presiden yang lebih matang untuk memimpin negara itu supaya AS dengan segala kekuatan yang ada padanya, tidak muncul sebagai samseng dan pemusnah masyarakat antarabangsa dan penganas yang menentanginya akan muncul sebagai hero kemanusiaan.

Dasar kekerasan, pencerobohan dan penaklukan yang diamalkan oleh AS sekarang ini, bukanlah langkah bijaksana bagi menghadapi keganasan. Ini kerana kekerasan, pencerobohan dan penaklukan itu sendiri adalah keganasan yang paling besar.

Justeru, dasar itu akan menyuburkan lagi elemen keganasan yang diperangi dengan keganasan yang serupa. Api tidak boleh dipadamkan dengan api yang lebih besar sekalipun.

Keganasan hanya dapat dihapuskan apabila faktor yang menimbulkan keganasan itu diatasi. Punca sebenar yang menimbulkan keganasan itu mestilah dicari dan segala usaha dilakukan bagi mengatasi masalah yang menimbulkan keganasan itu.

Ketidakadilan antarabangsa dalam menangani masalah Palestin, adalah satu daripada punca yang menimbulkan kekecewaan banyak pihak di kalangan umat Islam. Ketidakadilan itu menimbulkan rasa benci dan kecewa yang mendalam yang mendorong ke arah melakukan tindakan ganas.

Umat Islam setiap hari melihat bagaimana kekejaman dilakukan ke atas rakyat Palestin, sedangkan negara Arab dan Islam tidak boleh melakukan apa-apa.

Kecewa dengan ketidakadilan antarabangsa dan kelemahan negara Arab dan Islam, maka ada yang berani tampil mengorbankan diri untuk melakukan apa yang difikirkan boleh bagi memenuhi kekecewaan mendalam yang dialami itu. Jika masyarakat antarabangsa berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan penyelesaian adil ke atas isu Palestin, masalah keganasan akan dapat diatasi.

Elemen keganasan yang subur di Asia Barat turut berlaku akibat kehidupan rakyat dibelenggu oleh sistem yang tidak membenarkan rakyat menikmati kebebasan. Mereka tidak memiliki kebebasan bersuara, kebebasan memilih kerajaan secara demokratik dan penyertaan secara aktif dalam menentukan dasar dan haluan negara.

Segala-galanya ditentukan ke atas mereka menerusi dikri dari atas oleh kuasa yang boleh dianggap diktator. Justeru, perubahan ke arah pemerintahan demokratik adalah penting bagi menangani masalah keganasan.

Tetapi proses itu tidak boleh dilakukan secara paksa oleh kuasa luar. Ia harus dilakukan menerusi kesedaran rakyat dan perubahan dalaman.

Kemiskinan dan kesempitan hidup, turut menjadi punca timbulnya kekecewaan di kalangan rakyat. Sedangkan segelintir daripada masyarakat menikmati kelebihan kekayaan negara.

Pembahagian kekayaan secara adil dan penggunaan lebih banyak sumber kekayaan negara untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat, akan dapat menyekat punca timbulnya keganasan. Usaha membasmikan kemiskinan, mestilah

menjadi agenda utama bagi membendung keganasan dan menghapuskan kekecewaan yang mencetuskannya.

(END)